


III(B) - 20.

420

## **PROSIDING PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN IPTA 2001**

Peranan Penyelidikan dan Pembangunan  
(P&P) IPTA untuk Membina Masyarakat  
Berilmu

25-26 Oktober 2001  
Dewan Tun Dr. Ismail  
Pusat Dagangan Dunia Putra  
(PWTC)  
Kuala Lumpur



Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor

Chew Jui Snn  
10/10/2001

**PROSIDING  
PERSIDANGAN KEBANGSAAN  
 PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN  
IPTA 2001**

an kembali,

or

Disunting oleh

Mohd. Yusof Hj. Othman (Pengerusi)  
Idris Abd. Ghani  
Musa Ahmad  
Supian Samat

**PENERBIT  
PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI . 2002**

Cetakan pertama First printing

P]

Hakcipta/copyright Universiti Kebangsaan Malaysia, 2002

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan kembali,  
disimpan untuk pengeluaran atau ditukar ke dalam bentuk  
atau sebarang alat juga pun, samada dengan cara elektronik,  
gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa  
kebenaran bertulis daripada  
Penerbit terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or  
transmitted in any form or by any means,  
electronic or mechanical, recording or any information  
storage and retrieval system,  
without permission in  
writing from the Publisher.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by  
Pusat Pengurusan Penyelidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor D.E Malaysia  
(<http://research.ukm.my>)

Dicetak Oleh;  
Percetakan Asni Sdn Bhd,  
No.41 Jalan Mewah 3/3,  
Taman Perindustrian HATA,  
Pandan Mewah,  
68000 Ampang Selangor.  
Tel: 03-428/07257,03-4280 9010  
Fax: 03-4295 4716

ISBN 983-2446-28-7

Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor.  
2001

*Prosiding Persidangan Kebangsaan P&P IPTA 2001*

**KANDUNGAN KERTAS KERJA**

*muka surat*

**GOVERNAN**

Governan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) di Malaysia : Satu Pandangan Awal <i>Mohd Yusof Kasim &amp; Ishak Yusof</i>	1
Peranan Pensyarah IPT : Pembimbing Bakal Penyelidikan dan Penyelidikan di Bidang Pengajaran dan Pembelajaran di IPT <i>Nor Azizah Salleh, Subahan Mohd Meerah &amp; Siti Fatimah Mohd Yassin</i>	10
Ke arah Mewujudkan Sebuah Universiti Penyelidikan – Satu Cabaran <i>Arijin Samsuri &amp; Zainai Mohamed</i>	20
Pengkormesialan Hasil Penyelidikan : Isu dan Cabaran (Perspektif Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia) <i>Ahmad Farhan Mohd Sadullah</i>	29
Issues & Challenges of the Malaysian Economy : from the Perspective of Internet Payment System <i>Ida Harlina Ikhwan Nasir &amp; Razman Mat Tahar</i>	35

**EKONOMI**

Structural Change and Industrialisation in Malaysia : Capability for and Timing of Change <i>Mohammad Haji Alias, Azrae Zainol, Norzilah Aziz &amp; Siti Hadijah Che Mat</i>	42
Perniagaan Francais di Malaysia : Satu Tinjauan dan Isu-isu Pelaksanaan <i>Zafir Mohamed Makbul &amp; Mohd Hizam Hanafiah</i>	58
Mobiliti dan Pembangunan Sumber Manusia di Sabah <i>Fazli Abdul Hamid</i>	68
Industri Pelancongan -eko dan Potensi Pekerjaan Kepada Penduduk Tempatan : Satu Tinjauan Awal di Kg. Sukau, Kinabatangan, Sabah <i>Rosazman Hussin</i>	79
Organisasi Perdagangan Dunia (WTO) : Implikasi Kepada Dasar Perindustrian di Malaysia <i>Tham Siew Yean</i>	91
Pemasaran Strategik Produk-produk Pelancongan Malaysia <i>Baharuddin Mohamed &amp; Nikmatul Adha Nordin</i>	100
Komitmen Pekerja Terhadap Organisasi : Satu Dimensi atau Pelbagai Dimensi? Satu Tinjauan di Malaysia <i>Nik Mu'tasim Ab. Rahman</i>	110

## KE ARAH MEWUJUDKAN SEBUAH UNIVERSITI PENYELIDIKA - SATU CABARAN

Ariffin Samsuri dan Zainal Mohamed  
Universiti Teknologi Malaysia  
mel-e: ariffin@rmc.utm.my

### ABSTRAK

Cabar globalisasi dan k-ekonomi memerlukan negara mempunyai lebih ramai sumber tenaga manusia yang kreatif dan inovatif sehingga mampu menghasilkan teknologi dan produk baru yang lebih kompetitif serta mampu bersaing di pasaran global. Bagi membantu negara menghadapi cabaran tersebut, universiti yang secara tradisinya merupakan universiti pengajaran perlu mengubah penekanan kepada universiti penyelidikan. Amnya universiti pengajaran lebih menumpukan kepada aktiviti pengajaran sedangkan universiti penyelidikan memberi penekanan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan disamping pengajaran. Sebenarnya universiti penyelidikan telah lama wujud di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jepun. Antaranya ialah Massachusetts Institute of Technology (MIT) di Amerika Syarikat, University of Tokyo di Jepun dan University of Cambridge di United Kingdom. Oleh itu universiti penyelidikan mesti mempunyai kekuatan yang menonjol dalam penyelidikan sebagai bisnes teras disamping pengajaran. Fokus pengajaran di universiti penyelidikan mesti menjurus ke arah melahirkan graduan yang lebih kreatif, inovatif dan bersedia meneruskan kerjaya sebagai penyelidik yang cemerlang. Lebih tepat lagi, universiti penyelidikan mesti mempunyai lebih 50 % aktiviti penyelidikan berbanding 40 % pengajaran dan 10 % aktiviti lain. Oleh yang demikian, kecermerlangan universiti penyelidikan harus dilihat dari segi kepakaran dan reputasi staf akademiknya disamping hasil penyelidikan yang berkualiti. Kecemerlangan universiti pengajaran pula diukur dari segi bilangan pelajar, kualiti graduan dan bilangan program akademik yang ditawarkan. Untuk mencapai status universiti penyelidikan, sebuah universiti perlu melakukan perubahan terhadap semua aspek yang berkaitan dengan aktivitinya, termasuklah kurikulum program akademik, kewangan dan pengurusannya, program pembangunan sumber manusia, kemudahan dan struktur organisasi. Untuk mencapai mailamat anjakan paradigma ini, universiti perlu melakukan beberapa strategi pelaksanaan termasuklah perkongsian visi, perubahan budaya kerja, agihan semula beban tugas staf, program akademik dan penyelidikan, penyediaan kemudahan dan infrastruktur, pembangunan sumber manusia, penyediaan dana penyelidikan dan pembangunan, dan pemantapan struktur organisasi, terutamanya hubungan antara fakulti dengan pusat kecermerlangan. Aktiviti fakulti lebih menumpukan kepada pengajaran sedangkan pusat kecermerlangan pula lebih tertumpu kepada penyelidikan dan pembangunan. Hubungan fakulti dan pusat kecermerlangan hendaklah berdasarkan senergi perkongsian bijak supaya universiti penyelidikan yang diwujudkan mampu memenuhi keperluan negara dalam menyangut cabaran abad ke-21.

setiap 10000 p dengan negara ke had umur 1 Sasaran baru i tinggi negara i IPTA yang tel daripada menj melahirkan te pembangunan, "Universiti Pe dilancarkan pa memajukan pe satu langkah research unive daripada ketet

UP dalam kor universiti yar tinggi R&D, mantap selai pelajar diteka dengan prins pekerjaan. kemudahan d kerja dan sua berterusan. mempunyai l pengajaran d

### PENDAHULUAN

Visi 2020 untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju perindustrian memerlukan persiapan rapi dan komitmen dari semua pihak. Antara persiapan yang perlu dibuat ialah melahirkan tenaga kerja yang bernilai tinggi. Salah satu ciri tenaga kerja negara maju ialah berilmu, kreatif, inovatif dan berpengetahuan. Tenaga kerja sentiasa siap sedia ditempat dan ditugaskan di sebarang lokasi. Mereka mesti bersedia menghadapi cabaran globalisasi dan memenuhi permintaan k-ekonomi. Dalam hubungan ini, salah satu daripada hala tuju jangka panjang pendidikan tinggi negara ialah menghasilkan lebih ramai tenaga pakar dalam pembangunan sains dan teknologi bagi menjamin kemampuan perindustrian negara. Bilangan tenaga penyelidik negara pada tahun 2000 dianggarkan seramai 7 orang bagi setiap 10000 penduduk berbanding dengan negara perindustrian seperti Jepun dan Singapura, masing-masing mempunyai seramai 82 dan 66 orang penyelidik bagi

lebih 10000 penduduk. Sasaran negara ialah untuk mencapai bilangan penyelidik yang setaraf dengan negara maju. Pendidikan tinggi juga perlu diperluaskan bagi meningkatkan bilangan penyertaan di antara umur 17 hingga 23 tahun kepada kira-kira 40% berbanding dengan kadar semasa 22%. Sistem baru ini merupakan satu peningkatan peluang yang besar. Kedua-dua objektif pendidikan tinggi negara ini dapat dicapai dengan menambah bilangan IPT dan ada antara IPT, terutamanya IPTA yang telah lama wujud, difokuskan aktiviti kepada penyelidikan dan pembangunan selain daripada menjayakan fungsi asas dalam pengajaran. Sesebuah universiti yang memberi fokus untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemampuan tinggi serta kompetitif dalam penyelidikan dan pembangunan, dan secara keseluruhannya berjaya dalam penyelidikan boleh dikategorikan sebagai "Universiti Penyelidikan" (UP). Di Korea Selatan, contohnya, projek "Brain Korea 21" yang dilancarkan pada tahun 1999 (Hyunsook Yu, 2001) merupakan satu perancangan induk tujuh tahun memajukan pendidikan tinggi dan melaksanakan reformasi pendidikan secara umumnya. Salah satu langkah yang dikemukakan ialah menjadikan beberapa buah universiti sebagai "world-class research universities". Keperluan Malaysia bersiap sedia mewujudkan UP merupakan salah satu daripada ketetapan dalam pelan tindakan pendidikan tinggi negara (KPM, 2000).

### KONSEP UNIVERSITI PENYELIDIKAN

UP dalam konteks pembangunan pendidikan tinggi negara sekarang boleh diertikan sebagai sebuah universiti yang khususnya memberi fokus untuk melahirkan tenaga kerja yang berkemampuan tinggi R&D, dan secara umumnya mempunyai keupayaan dan kemanduan penyelidikan yang mantap selain daripada menjayakan fungsi asas dalam pengajaran. Aktiviti pembelajaran oleh pelajar ditekankan kepada kreativiti dan penemuan. Pelajar dilatih dalam analitikal dan diperkuuh dengan prinsip asas. Graduan diberi kepercayaan dan menerima permintaan tinggi dari sektor pekerjaan. Mereka merupakan tenaga kerja yang berwibawa tinggi. Staf dibekalkan dengan kemanduan dan daya rangsangan yang efektif untuk terus aktif dalam penyelidikan. Persekuturan kerja dan suasana pembelajaran di UP mestil merangsang penerokaan ilmu dan penemuan baru yang berterusan. UP juga mestil mempunyai ramai pelajar siswazah dan tenaga penyelidik serta mempunyai keupayaan kewangan yang tinggi (UTM, 2000). Perbandingan umum antara universiti pengajaran dengan universiti penyelidikan diringkaskan dalam Jadual 1.

ii sumber tenaga  
rodak baru yang  
ara nghadapi  
ngajaran perlu  
ngajaran lebih  
beri penekanan  
nya universiti  
'nited Kingdom  
erika Syarikat,  
itu universiti  
i bisnes teras  
urus ke arah  
taya sebagai  
i lebih 50 %  
ig demikian,  
eputasi staf  
pengajaran  
demik yang  
melakukan  
kurikulum  
manusia,  
universiti  
in budaya  
enye an  
tika an  
ti dengan  
in pusat  
kulti dan  
niversiti  
in abad

siapan  
enaga  
ovatif  
ikasi.  
i k-  
nggi  
bagi  
000  
rian  
agi

Jadual 1. Perbandingan Antara Universiti Pengajaran Dengan Universiti Penyelidikan

	UNIVERSITI PENGAJARAN	UNIVERSITI PENYELIDIKAN
AKTIVITI		
- Pengajaran & pembelajaran - R&D - Lain-lain	70 % 20 % 10 %	50 % 40 % 10 %
KRITERIA UTAMA	- Pengajaran & pembelajaran - Penyebaran ilmu	- Penyelidikan - Pembangunan produk - Penerokaan ilmu - Ramai pelajar siswazah/penyelidik
PETUNJUK KECEMERLANGAN	- Bilangan pelajar - Bilangan kursus/program - Kualiti kursus - Permohonan masuk ijazah pertama tinggi	- Kepakaran staf - Pembangunan produk baru - Pengiktirafan penerbitan - Bilangan paten - Nobel Laureate - Permohonan masuk pengajian siswazah tinggi

### CIRI-CIRI PENTING UNIVERSITI PENYELIDIKAN

#### a. Model Pengurusan

Model pengurusan UP dalam kontek pemajuan penyelidikan seharusnya unik dan berbeza dengan pengurusan kebanyakan organisasi bisnes atau jabatan awam. Kebanyakan universiti yang ternama di negara maju mempunyai struktur pengurusan yang mengamalkan penurunan kuasa dan tanggungjawab. Kumpulan penyelidikan dan/atau pusat kecemerlangan (PK) yang dibentuk berfungsi khusus memajukan penyelidikan serta menggarap tenaga kerja bagi menjayakan penyelidikan. Hanya sedikit beban tugas pengajaran diambil oleh PK. Pengurusan PK bertanggungjawab dalam hal ehwal kemajuan penyelidikan dan pengurusan kewangan penyelidikan. Fakulti menjayakan fungsi pengajaran di peringkat asas, terutamanya program prasiswazah. Universiti memantau dan memberi sokongan sewajarnya bagi membolehkan setiap unit/bahagian beroperasi mengikut skop tugas yang ditetapkan. Model pengurusan serta skop dan tanggungjawab yang ditetapkan oleh universiti merupakan pemangkin kepada proses membudayakan kerja sesebuah UP.

#### b. Pelajar

Sesebuah UP didokong oleh ramai pelajar siswazah. Nisbah pelajar siswazah berbanding dengan pelajar pra-siswazah melebihi 40% dan kebanyakan pelajar siswazah pula, melebihi 60%, terlibat dengan program pengajaran yang berteraskan penyelidikan sama ada di peringkat sarjana atau doktor falsafah. Oleh itu peranan Sekolah Pengajian Siswazah dan Pusat Pengurusan Penyelidikan penting dalam memacu aktiviti di UP. Penyelidikan merupakan aktiviti penerokaan dan penemuan ilmu. Dapatannya adalah bercorak sejagat dan global. Oleh itu tenaga penyelidik juga seharusnya terdiri daripada berbagai budaya dan datang dari negara yang berbeza. Sesebuah UP perlu disokong oleh tenaga penyelidik (pelajar siswazah khususnya) yang memenuhi ciri-ciri ini. Peningkatan bilangan pelajar antarabangsa, sehingga 30% daripada jumlah pelajar siswazah, dapat merealisasikan aktiviti penyelidikan sebagai aktiviti global. Kehadiran mereka menjamin pertukaran ilmu dan pengiktirafan dapatkan penyelidikan sebagai satu produk yang global.

#### c. Tenaga Penyelidik

Tenaga penyelidik di UP terdiri daripada penyelidi pegawai sains (jurutera pasca doktoral membentuk UP terbahagi kepada dua staf mempunyai kelayaka masing. Bagi staf akadem menjayakan objektif UP, pembelajaran serta latihan program penyelidikan de perlu mempunyai staf menjayakan aktiviti penyelidik/pem bantuan teknikal dan pen!

#### d. Keseimbangan Beban

Keseimbangan beban tu akademik perlu wujud. secukupnya iaitu masa ui digalakkan bekerja dala pengajaran, mereka dibis bah pelajar dengan s beban tugas pengajaran d

#### e. Pembangunan Ilm

Aktiviti penyelidikan penyelidikan asas (*Fun Experimental Research Research*). UP merupakan duplikasikan untuk masyarakat antarabangsa penerbitan dalam jurnal daripada itu, UP juga m dilakuk oleh masyarakat modul dalam bentuk ya kepada Universiti dan pi

#### f. Budaya dan Aktiv

Sesama sebuah UP, akti program penyelidikan y ang unik. Budaya sumber, keseluruhan dan amanah publik termasuk t

#### g. Keindahan Fizik

Keindahan asas fizik penyelidik/pebincangan dan usahaan seum

## *Suruhanjaya Persidangan kebangsaan P&P IPTA 2001*

lidikan

### I PENYELIDIKAN

50 %  
40 %  
10 %

produk

tu

penyelidik

produk

terbitan

ik

azah tinggi

beza dengan  
ang ternama  
kuasa dan  
g dibentuk  
menjayakan  
rusan PK  
ke gan  
gran pran  
tan setiap  
skop dan  
proses

dengan  
terlibat  
doktor  
penting  
ilmu.  
terdiri  
oleh  
angan  
tiviti  
dan

#### a. Tenaga Penyelidik

Tenaga penyelidik di UP mesti ramai dan terlatih. Selain daripada pelajar siswazah, mereka boleh hadir daripada penyelidik sepenuh masa seperti pembantu penyelidik, pegawai penyelidik dan pegawai sains (jurutera penyelidik). Tenaga pakar seperti staf akademik dan penyelidik peringkat pasca doktoral membentuk kumpulan kepimpinan dalam pasukan penyelidik. Tenaga sokongan di UP terbahagi kepada dua golongan utama iaitu staf penyelidikan dan staf sokongan. Keseluruhan staf mempunyai kelayakan akademik tertinggi sesuai dengan jawatan dan tanggungjawab masing-masing. Bagi staf akademik kelayakan di peringkat PhD atau setaraf adalah satu kemestian bagi menjayakan objektif UP. Mereka yang berkelulusan pada tahap ini telah melalui satu proses pembelajaran serta latihan yang membolehkan mereka mengendalikan program siswazah dan program penyelidikan dengan baik. Tenaga sokongan juga mempunyai kualiti yang tinggi. UP perlu mempunyai staf penyelidikan dan staf sokongan yang secukupnya bagi membantu menjayakan aktiviti penyelidikan. Staf penyelidikan boleh digolongkan sebagai staf akademik, pegawai penyelidik/pembantu penyelidik, pelajar penyelidikan, jurutera penyelidikan, pakar bantuan teknikal dan penyelidik pasca-doktoral.

#### d. Keseimbangan Beban Tugas

Keseimbangan beban tugas antara pengajaran pelajar pra-siswazah dan penyelidikan untuk staf akademik perlu wujud. Staf akademik perlu diberi masa bekerja untuk pembangunan diri dengan secukupnya iaitu masa untuk berfikir dan terlibat dengan bimbingan penyelidikan pelajar. Mereka digalakkan bekerja dalam pasukan atau kumpulan penyelidik dan untuk meringankan beban pengajaran, mereka diberi pembantu pengajar. Oleh itu secara keseluruhannya UP mempunyai nisbah pelajar dengan staf akademik dalam lingkungan 8:1, bagi membolehkan keseimbangan beban tugas pengajaran dan penyelidikan dapat dicapai.

#### e. Pembangunan Ilmu dan Hasil Penyelidikan

Aktiviti penyelidikan meliputi setiap kategori pembangunan ilmu, iaitu terdiri daripada penyelidikan asas (*Fundamental Research*); penyelidikan berbentuk pengujian/pembangunan (*Experimental Research/ Developmental Research*) dan penyelidikan gunaan (*Applied Research*). UP merupakan tempat ilmu baru diterokai, dipelajari, dikembangkan dan seterusnya diaplikasikan untuk manfaat manusia sejagat. Hasil aktiviti penyelidikan di UP diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Pengiktirafan tersebut boleh dalam bentuk bilangan *citations* dan penerbitan dalam jurnal antarabangsa, bilangan paten dan bilangan Nobel Laureate. Selain daripada itu, UP juga merupakan tempat menghasilkan tenaga penyelidik yang terlatih, pakar dan diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa. Tidak kurang pentingnya, hasil penyelidikan gunaan dan produk dalam bentuk yang boleh dikomersilkan dapat menjana kemakmuran dan sumber kewangan kepada Universiti dan penyelidik.

#### f. Budaya dan Aktiviti Penyelidikan

Sebagai sebuah UP, aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penyelidikan merupakan agenda utama. Program penyelidikan yang berterusan dan tersusun akan secara langsung membentuk suatu budaya kerja yang unik. Budaya penyelidikan ini akan menjadi "trade-mark" kepada masyarakat Universiti secara keseluruhan dan khasnya kepada tenaga penyelidik. Aktiviti penyelidikan didokong oleh semua pihak termasuk pihak pengurusan dan pentadbiran Universiti.

#### g. Kemudahan Fizikal dan Infrastruktur

Kemudahan asas fizikal dan infrastruktur yang mendorong aktiviti penyelidikan seperti ruang pengajaran/perbincangan, makmal penyelidikan, makmal gunasama/perkhidmatan (untuk fabrikasi) dan makmal usahasama dengan industri (*Business Venture Labs*) dimajukan dalam universiti. Kemudahan asas seumpama ini menjadi penggalak selain daripada keupayaan kewangan.

#### **h. Kewangan – Dana dan Gran Penyelidikan**

Sokongan kewangan yang kukuh dari berbagai sumber akan meningkatkan keupayaan dana dan geran dapat digunakan dengan meluas untuk membiayai pelajar penyelidikan dan untuk membuat perolehan peralatan dan penggajian staf penyelidikan.

### **CABARAN KE ARAH UNIVERSITI PENYELIDIKAN**

Untuk mencapai status UP, universiti pengajaran sedia ada perlu melakukan perubahan menyeluruh yang melibatkan seluruh staf, semua aktiviti yang dijalankan, pengurusan dan organisasinya. Ini merupakan satu perjalanan yang akan menjadi satu cabaran kepada masyarakat universiti. Perubahan status ini mempunyai implikasi tertentu terutamanya dalam aspek kurikulum pengajian, pengurusan kewangan, staf, pelajar dan kemudahan infrastruktur fizikal dan peralatan serta kemudahan lain seperti asrama/kediaman pelajar dan sebagainya. Untuk ini IPTA sedia ada mestи bersedia untuk melakukan perkongsian visi & misi, anjakan paradigma, perubahan budaya kerja, perubahan komposisi pelajar, perubahan penekanan program akademik dan penyelidikan, penyediaan kemudahan infrastruktur dan peralatan, keperluan pembangunan sumber manusia, pemantapan sistem pengurusan dan penyediaan dana yang diperlukan.

#### **a. Keperluan Perkongsian Visi dan Misi**

Perubahan ke arah UP yang melibatkan seluruh masyarakat universiti akan lebih mudah dilaksanakan jika misi/visi sesebuah UP dikongsi bersama oleh seluruh masyarakat universiti. Misi dan visi yang jelas dan mampu diterjemahkan serta dihayati oleh seluruh masyarakat universiti perlu diwujudkan. Untuk ini beberapa siri bengkel penerangan dan perancangan bersama perlu dilaksanakan secara sistematis. Hasilnya merupakan satu bentuk persetujuan bersama dan komitmen daripada keseluruhan staf untuk bersama-sama menggembing tenaga ke arah UP.

#### **b. Keperluan Anjakan Paradigma dan Perubahan Budaya Kerja**

Setiap perubahan besar yang hendak dilaksanakan oleh sesebuah organisasi memerlukan anjakan paradigma dan budaya kerja, termasuk perubahan cara berfikir dan bertindak. Ini tentunya melibatkan pandangan dan persepsi setiap staf terhadap diri dan potensi kemampuan masing-masing untuk lebih menyerlah. Kejayaan mengubah paradigma staf akan menentukan perubahan budaya kerja penyelidikan yang cemerlang. Untuk ini beberapa siri bengkel motivasi dan perubahan paradigma perlu dilaksanakan bagi memastikan seluruh masyarakat universiti bersedia memainkan peranan masing-masing. Kefahaman mengenai misi dan visi juga perlu dihayati oleh seluruh masyarakat universiti supaya mereka semua mampu dan bersedia untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing demi kejayaan sesebuah UP. Selain itu, konsep dan penghayatan kualiti perlu diwujudkan dikalangan seluruh staf supaya budaya kerja cemerlang menjadi amalan harian seluruh masyarakat universiti. Untuk ini, siri bengkel kualiti perlu dilaksanakan secara berkesan dan berterusan.

#### **c. Unjuran Bilangan Pelajar dan Nisbah Pelajar – Staf**

Matlamat ini akan lebih mudah dicapai jika bilangan dan kategori pelajar disesuaikan dengan perubahan ke arah universiti penyelidikan. Kebiasaannya UP mempunyai bilangan pelajar pra-siswazah yang tidak terlalu besar dan sebahagian besar pelajar adalah pelajar siswazah kerana mereka merupakan sebahagian besar tenaga manusia yang menjalankan penyelidikan. Sehubungan dengan itu, universiti perlu menetapkan sasaran jangka panjang bilangan pelajar. Ini penting bagi memastikan bahawa staf akademik diberi masa secukupnya terhadap aktiviti penyelidikan. Disamping itu, nisbah pelajar siswazah adalah tinggi berbanding bilangan pelajar pra-siswazah. Perubahan bilangan pelajar siswazah dan pra-siswazah merupakan salah satu strategi ke arah mencapai matlamat menjadi . Selain itu, nisbah pelajar pra-siswazah terhadap staf akademik juga perlu diperbaiki kepada nisbah yang lebih rendah, misalnya 8:1, sesuai dengan keperluan sebuah UP. Ini boleh dicapai melalui beberapa strategi pengambilan staf baru, staf *expatriate*, staf kontrak, *post-doctoral* dan sebagainya.

**d. Pengubahsuaiat**  
Sejarah dengan hasrat penyelidikan perlu di dirangkan dan program program baru yang v menekankan penyelidikan sebagai gaimana yang di aktiviti dan program yang sesuai dengan penyelidikan yang d pemantauan dan pe fleksibel dan berkesan melaksanakan program penyelidik dalam bidang baru dan ter status menjadi UP t hendaklah mampu disamping menghas untuk pelajar ijazah masalah dengan ke upaya dengan fokus sebu intipati sesebuah pencapaian penyelidikan dan prosedur yang sumber dana yang r

#### **e. Keperluan Infrastruktur**

Kebanyakan ruang dibangun atas koordinasi pendidikan di perlu dan kemudahan se UP. Kemudahan ini keperluan pengajar Disampai dan penyelidikan p penyelidikan dan perkitaran peny seperti ruang penyelepasan dan perkembaran kepi

#### **f. Keperluan Finansial**

Pembangunan program ini me diambil supaya me dana cubi profes buku dan suruhan i kerajaan bagi i menggalan lebi hingga kepada p uang yang celi juga

## *Suruhanjaya Persidangan kebangsaan P&P IPTA 2001*

keupayaan dana dan  
k membiayai pelajar  
elidikan.

ubahan menyeluruh  
organisasinya. Ini  
iyarakat universiti.  
irik pengajian,  
an peralatan serta  
A sedia ada mesti  
han budaya kerja,  
lan penyelidikan,  
sumber manusia,

lah dilaksanakan  
isi dan visi yang  
lu diwujudkan.  
nsanan secara  
tmen daripada

lukan anjakan  
Ini tentunya  
uan masing-  
an perubahan  
notivasi dan  
siti sedia  
lihayati oleh  
elaksanakan  
konsep dan  
cemerlang  
taliti perlu

n dengan  
ajar pra-  
h kerana  
ubungan  
ing bagi  
elidikan.  
swazah.  
ke arah  
ik juga  
sebuah  
ontrak,

### **d. Pengubahsuaihan Program Akademik dan Penyelidikan**

Sejua dengan hasrat untuk berubah ke arah UP, kewibawaan dan kualiti program akademik dan penyelidikan perlu dipertingkatkan. Beberapa program baru di peringkat pengajian siswazah perlu diwujuk dan program semasa diperluas dan dipertingkatkan kualiti dan pengurusannya. Antara program baru yang wajar dilaksanakan ialah program doktoral profesional dan program lain yang menekankan penyelidikan berkaitan penggunaan ilmu dan inovasi dalam perniagaan kejuruteraan sebagaimana yang dilaksanakan oleh Warwick University, UK. Universiti juga perlu memantapkan aktiviti dan program penyelidikan semasa disamping menerokai bidang-bidang penyelidikan baru yang sesuai dengan keperluan negara untuk mencapai taraf negara maju. Projek-projek penyelidikan yang dijalankan perlu fokus dan diurus dengan baik melalui sistem penyaringan, pemantauan dan penilaian penyelidikan yang berkualiti. Untuk ini suatu sistem yang cekap, fleksibel dan berkesan perlu diwujudkan dan dilaksanakan dengan bijaksana. Universiti juga perlu melaksanakan program *Nobel Laureate Education (NLE)* yang menekankan pembangunan pakar penyelidik dalam bidang sains asas serta memperkuuh sumbangan universiti terhadap penerokaan bidang baru dan terkini, misalnya *frontier science, nanotechnology* dan *space science*. Perubahan status menjadi UP turut melibatkan perubahan kurikulum program ijazah pertama. Kurikulumnya hendaklah mampu menyediakan graduan yang akan meneruskan kerjaya sebagai penyelidik disamping menghasilkan profesional dalam bidang masing-masing. Ini bererti penekanan latihan untuk pelajar ijazah pertama lebih menjurus kepada aspek analitikal dan pembelajaran berasaskan masalah dengan kemahiran berfikir dan kreativiti yang tinggi. Untuk ini pelajar diperkuuhkan dengan keupayaan matematik dan sains. Bagaimanapun program yang ditawarkan perlu disesuaikan dengan fokus sebuah UP. Kecemerlangan dalam aktiviti dan produk penyelidikan merupakan intipati sesebuah UP. Segala usaha perlu dilaksanakan dengan berkesan bagi memastikan pencapaian penyelidikan cemerlang dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Ini memerlukan polisi dan prosedur yang mantap, pengurusan berkesan, kepakaran penyelidik, kepimpinan penyelidikan, sumber dana yang mencukupi, dan infrastruktur serta peralatan yang baik.

### **e. Keperluan Infrastrukur dan Kemudahan**

Kebanyakan ruang kuliah, makmal dan kemudahan infrastruktur fizikal semasa telah dirancang dan dibangun atas konsep universiti pengajaran dengan penumpuan untuk memenuhi keperluan pendidikan di peringkat pra-siswazah. Ini bererti satu fasa baru pembangunan infrastruktur fizikal dan kemudahan serta peralatan perlu dirancang dan digerakkan bagi memenuhi keperluan sebuah UP. Kemudahan pendidikan pra-siswazah sedia ada perlu dipertingkatkan bagi menyokong keperluan pengajaran dan pembelajaran yang berorientasikan aktiviti R&D.

Disamping itu, infrastruktur fizikal yang khusus untuk pengembangan pengajian siswazah dan penyelidikan perlu dibangun dan dimantapkan. Pembangunan makmal perkhidmatan, makmal penyelidikan dan makmal penerokaan industri merupakan usaha berterusan bagi mewujudkan persekitaran penyelidikan yang kondusif. Disamping itu, kemudahan fizikal bagi pelajar siswazah seperti ruang pembelajaran/kuliah, kemudahan pengajian termasuk komputer dan multi-media, perpustakaan dan penginapan perlu dipertingkatkan. Kemudahan perpustakaan yang lebih memberi perkhidmatan kepada aktiviti R&D atau perpustakaan penyelidikan perlu diwujudkan.

### **f. Keperluan Pembangunan Sumber Manusia**

Perancangan program pembangunan sumber manusia perlu berubah sesuai dengan keperluan UP. Perubahan ini mesti melibatkan program pembangunan seluruh staf universiti. Staf akademik perlu dilatih supaya mencapai tahap kelulusan akademik tertinggi dan membina kepakaran bertaraf dunia serta lebih profesional. Bagi meningkatkan lagi kepakaran dan profesionalisme staf, kemudahan bagi pergerakan untuk pendedahan dan rangkaian kerja perlu diberi sokongan sewajarnya. Sumber kewangan bagi pelaksanaan Skim Pembantu Pengajar yang melibatkan pelajar siswazah dan pengambilan lebih ramai staf *expatriate* supaya staf akademik dapat menumpukan perhatian dan tenaga kepada penyelidikan dan pembangunan kepakaran perlu disediakan. Staf teknikal perlu mempunyai kelayakan profesional dan kemahiran yang tinggi untuk membantu aktiviti R&D. Staf sokongan juga perlu diberi pendedahan secukupnya terhadap keperluan aktiviti penyelidikan

supaya dapat membantu mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi R&D. Bagi membolehkan strategi ini dilaksanakan, beban pengajaran setiap staf akademik perlu dikurangkan dengan mengambil lebih ramai lagi staf *expatriate*, staf kontrak, pembantu pengajar, guru dan staf baru serta tutor. Peruntukan kewangan yang mencukupi perlu disediakan bagi menyokong pergerakan staf untuk meningkatkan profesionalisme dan kepakaran dalam bidang baru. Hubungan universiti-industri perlu diperkuuh kerana melalui hubungan yang bersenergi dan pintar, staf universiti akan mampu meningkatkan professional dan kemahiran/kepakaran masing-masing. Pihak industri juga boleh memanfaatkan kepakaran serta kemudahan yang wujud di universiti bagi memajukan bisnes dan meningkatkan daya saing masing-masing.

#### **g. Pemantapan Sistem Pengurusan Penyelidikan dan Pengajian Siswazah**

Pengajian siswazah mempunyai kaitan yang rapat dengan aktiviti penyelidikan. Pemantapan pengurusan kedua-duanya memberi implikasi yang besar terhadap kejayaan sesebuah UP. Untuk ini, universiti perlu memastikan penggunaan sistem teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dengan sepenuhnya dan berkesan. Keupayaan pengurusan pengajian siswazah dan pengurusan penyelidikan perlu dipertingkatkan lagi sejajar dengan pertambahan bilangan pelajar siswazah, terutamanya pengambilan kakitangan sokongan pengurusan berjawatan tetap supaya latihan kemahiran pengurusan, terutamanya pengurusan projek dapat dilakukan secara berterusan. Pemantapan pengurusan juga perlu di peringkat fakulti dan PK. Pengurusan PK dimantapkan supaya lebih cekap dan berkesan, terutama yang melibatkan hubungan dengan unit-unit lain, termasuk hubungan dengan fakulti.

#### **h. Keperluan Dana Penyelidikan dan Pengurusan**

Perubahan status kepada UP akan turut memberi implikasi pengurusan kewangan dan bentuk perbelanjaan. Implikasi perbelanjaan boleh dibahagi kepada dua iaitu: kos operasi untuk pengajaran/pembelajaran dan penyelidikan, dan kos pembangunan infrastruktur fizikal dan sumber manusia. Kos pengajian purata setahun bagi pelajar ijazah pertama dalam bidang kejuruteraan di Malaysia dalam tahun 1999 (Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia, Sesi 1999/2000) ialah RM12,500.00. Berdasarkan kepada anggaran kos seorang pelajar pasca siswazah adalah lebih kurang 2.7 kali ganda daripada kos operasi seorang pelajar pra-siswazah dan kenaikan kos operasi sebanyak 10% dalam masa 5 tahun, anggaran kos operasi apabila universiti berubah kepada UP sepenuhnya sehingga tahun 2010 adalah seperti dalam Jadual 2. Jadual 2 juga menunjukkan bahawa nisbah kos antara aktiviti P&P yang digambarkan melalui kos pengajian pra-siswazah dan aktiviti R&D yang digambarkan melalui kos pengajian siswazah melebihi nisbah 30:70 menjelang tahun 2010 apabila sesebuah universiti telah mencapai tahap yang mantap sebagai UP. Selain kos operasi, perubahan ke arah UP akan melibatkan pembangunan, termasuk persediaan dalam aspek pembangunan sumber tenaga manusia (HRD), pembangunan infrastruktur fizikal seperti ruang, bangunan dan makmal serta peralatan, kemudahan penyelidikan dan pengajaran yang lebih sesuai sebagai UP; dan kemudahan untuk pelajar pengajian siswazah termasuk tempat belajar dan kemudahan kediaman atau

**Jadual 2 : Anggaran**

TAHUN	I Ijz (R P (J JI
2000	Ijz (R P (J JI
2005	Ijz (J P (J JI
2010	I ( I (

asrama. Ini semu menampung penit sumber kewanga anggaran kos ope universiti. Oleh k sesebuah UP, uni pengajian siswa meningkatkan pe melalui sistem w yang cekap dan t

**i. Perubahan Dalam membentuk**  
Dalam membentuk dibentuk. Dala penyelidikan pe seimbang di ant meliputi fakulti aspek pengurus perlu diberi "e program akader dan pelajar mas berasa di pula kolumer berkaitan dan c tingga mungkin perum dan penerokaan

### *Perkembangan kebangsaan P&P IPTA 2001*

#### *1.1.1. Anggaran Kos Operasi Universiti Penyelidikan Berdasarkan Unit Kos Pelajar*

TAHUN	BILANGAN PELAJAR (ORANG)	KOS OPERASI (RM)
2000	Ijazah Pertama (RM12,500/pelajar/tahun) Pasca Siswazah (Tidak diambil kira) JUMLAH	20,000 2,500 22,500 250,000,000 (100%) Tidak diambil kira JUMLAH 250,000,000
2005	Ijazah Pertama (RM13,750/pelajar/tahun)* Pasca Siswazah (RM37,125/pelajar/tahun) JUMLAH	20,000 5,000 25,000 275,000,000 (60 %) 185,625,000 (40 %) JUMLAH 460,625,000
2010	Ijazah Pertama (RM15,125/pelajar/tahun) Pasca Siswazah (RM40,837/pelajar/tahun) JUMLAH	12,500 12,500 25,000 189,062,500 (27 %) 510,462,500 (73 %) JUMLAH 699,525,000

asrama. Ini semua akan meningkatkan lagi keperluan dana pengurusan yang berkaitan. Dalam menampung peningkatan kos operasi, pusat kecemerlangan di UP mesti berupaya untuk menjana sumber kewangan sendiri sehingga 70% (geran dan/atau yuran pengajian) daripada jumlah anggaran kos operasi. Unit perniagaan di universiti juga perlu berusaha menjana pendapatan untuk universiti. Oleh kerana sumber dana merupakan aspek penting bagi kewujudan dan kejayaan sesebuah UP, universiti perlu berusaha menyediakan sumber dana khusus bagi membiayai program pengajian siswazah kepada fakulti, meningkatkan sumber pembiayaan skim biasiswa, meningkatkan perolehan geran penyelidikan (IRPA, kontrak dan sebagainya), mendapatkan sumber melalui sistem wakaf, derma dan sebagainya. Oleh yang demikian, suatu sistem pengurusan dana yang cekap dan berkesan juga perlu diwujudkan.

#### i. Perubahan Struktur Organisasi Pengurusan Penyelidikan dan Akademik

Dalam membentuk budaya kerja cemerlang, struktur organisasi pengurusan yang mantap perlu dibentuk. Dalam hubungan ini pengurusan akademik (pengajian dan pelajar) dan pengurusan penyelidikan perlu disusun semula. Pengurusan universiti perlu memberikan penekanan yang seimbang di antara aktiviti pengajaran dan penyelidikan. Operasi pengurusan di semua peringkat meliputi fakulti dan bahagian perlu disusun semula untuk memberi fokus yang lebih tinggi kepada aspek pengurusan, pembangunan sumber tenaga manusia (HRD) dan pembiayaan aktiviti R&D. PK perlu diberi "empowerment" secukupnya untuk bergerak tetapi tidak terlibat dengan penawaran program akademik dan pengurusan hal-hewal akademik. Pengurusan hal hewal program akademik dan pelajar masih merupakan tanggungjawab fakulti. Sumbangan PK dalam menjalankan program akademik dianggarkan lebih kurang 30% sesuai dengan nisbah kos operasi (gaji/emolumen/overhead) yang disediakan secara langsung oleh pihak universiti melalui kos overhead dan emolumen. Oleh itu, PK perlu cergas dalam aktiviti penyelidikan dengan membawa masuk hingga 70% daripada kos operasinya dari sumber luar (geran penyelidikan, penyelidikan kontrak, perundingan, dsb.). Dengan kata lain, PK bersama-sama dengan makmal perkhidmatan dan penerokaan industri mesti menjadi unit bisnes strategik kepada UP.

#### KESIMPULAN

Cadangan dan konsep UP merupakan satu daripada aspek pembangunan pendidikan tinggi negara. Sistem pendidikan tinggi yang mantap merupakan mekanisme yang membolehkan negara membangun mengikut perancangan visi 2020. Pendidikan tinggi yang dijayakan melalui UP dapat

menjamin pembangunan tenaga kerja yang dapat memenuhi keperluan negara untuk menjadi negara maju.

Oleh kerana kos pengujudan sesebuah UP baru memerlukan biaya yang sangat besar, adalah lebih baik dan berkesan, universiti awam yang telah lama wujud berubah status daripada universiti pengajaran kepada UP. Perubahan ini merupakan satu perjalanan yang penuh dengan cabaran kerana ia melibatkan seluruh masyarakat dan semua aktiviti di universiti. Oleh itu IPTA yang berminat untuk berubah menjadi UP perlu bersedia untuk menyahut cabaran yang akan dilalui.Untuk menjayakan perubahan yang penuh dengan cabaran ini, seluruh masyarakat universiti perlu bersedia dan komited untuk melakukan perubahan menyeluruh bagi mencapai matlamat menjadi UP yang cemerlang.

## PENGKOMERSIAI (Perspektif K)

### PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak pengurusan Universiti Teknologi Malaysia kerana mengizinkan dan menggalakkan perkongsian idea mengenai konsep Universiti Penyelidikan.

### RUJUKAN

Hyunsook Yu (2001), "Economic Crisis and Higher Education in Korea", Policy Forum on Economic Crisis and Higher Education in East Asia, International Institute for Education Planning/SEAMEO Regional Centre for Higher Education & Development/Ministry of Education Malaysia, 29 – 31 January 2001, Selangor, Malaysia.

KPM (2000), "Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara", Kementerian Pendidikan Malaysia.

UTM (2000), "Persediaan UTM Menjadi Sebuah Universiti Penyelidikan", Urusetia Senat UTM.

Sebagai salah sebuah universiti mengatur strategi untuk penyelidiknya. Penguruk ki penyelidikan yang dapat men dari segi kewangan, hasil per kepada universiti, kerana per dari pihak pengguna dan kejuruteraannya, Universiti pengkomersialan hasil peny barunya di Nibong Tebal, Pu Teknologi Kejuruteraan dc membincangkan pengalam pengkomersialan di kampus strategi awal kepada satu penyelidikan di kampus in dibincang, bersama peruba ta ditubuhkan. Perubahan si amat perlu untuk meliputi s penyelidikan. Semoga pe meningkatkan bilangan has

Pengiktirafan Universiti S Malaysia memberikan cat jasra penyelidikan dan prestasi cemerlang yang la deruan setan penyelidi umumnya. Bilangan h angka Universiti Sains Brunei mengjawab untuk Pengurusan (BITD) telah mengambil komersial k sejati masa itu masih belum duit tubuhkan, d i dalamnya. Soalan lebih s tentang hal ini seba penyelesaikan hadi kepada kerja i kerja i penggunggajay tukar tukar set muncul. Dapat diarah